



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



YAYASAN  
BANKRAKYAT  
بڤاڤاسن بڤڤڤڤ وڤڤڤڤ



# 7S Imurid Isukan

## KEBANGSAAN 2017 TERENGGANU

24 - 28 SEPTEMBER 2017

ISNIN 25 SEPTEMBER 2017, ZAFRAN MUSTAFA

**Kuala Terengganu:** Edisi Kejohanan Bolasepak 7S1M1S KPM-YBR Peringkat Kebangsaan 2017 pada tahun ini melibatkan Terengganu selaku tuan rumah. Ketibaan kesemua 16 kontinjen dari setiap negeri pada 24 September telah disambut oleh urusetia kejohanan dan penginapan kesemua pemain, guru pengiring dan pegawai yang terlibat telah ditempatkan di Primula Beach Hotel, Kuala Terengganu.

Aturcara program sebelum majlis sepak mula telah dimulakan sekitar jam 8.00 pagi dengan kesemua para peserta telah diberi peluang untuk mengikuti Klinik Bolasepak yang dikendalikan oleh Jurulatih Pasukan T-Team, En. Rahmat Dermawan dan En. Azahari Bin Hj Salim. Para peserta kejohanan telah didedahkan dengan teknik asas bolasepak dan diberi peluang untuk merasai sendiri pengalaman menjalani latihan seperti yang dilalui oleh pemain professional. Setiap dari peserta kejohanan juga telah dibantu oleh National Football Development Programme (NFDP)-Terengganu yang banyak memberikan tunjuk ajar dan bantuan pada para peserta kejohanan dalam menjalani latihan.



Bagi sesi petang, kesemua peserta telah diraikan dengan lawatan ke Taman Tamadun Islam Terengganu (TTI). Mereka telah diberi kesempatan untuk melihat senibina rekabentuk monumen bercirikan Islam. Di taman tema ini, peserta telah didedahkan dengan pelbagai pengetahuan tentang senibina pembinaan yang boleh didapati di dalam taman tema ini.

Antara senibina agung yang telah dilawati oleh para peserta adalah Masjid An-Nabawi, Arab Saudi, Taj Mahal, India dan Masjid Kul Sharif Tatarstan, Russia. Peserta berangkat pulang ke Primula Beach Hotel sekitar jam 4.45 petang dan setiap dari kontinjen dibenarkan untuk melakukan persiapan bagi kejohanan pada pagi esok.

